

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN MENGENAI ISU PENYALAHGUNAAN WANG ZAKAT OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)

Beberapa media baru-baru ini telah melapurkan mengenai penyalahgunaan wang zakat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berkaitan dengan pembayaran kos guaman. Memandangkan isu ini mempunyai kaitan dengan tugas saya sebagai Mufti Wilayah Persekutuan, maka suka dijelaskan berikut ini kedudukan isu yang ditimbulkan itu.

2. Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan (JPHSWP) dalam mesyuarat khas yang diadakan pada 3 September 2009 bagi membincangkan Anggaran Belanjawan MAIWP 2010, telah meluluskan sebanyak RM 205,000.00 untuk perbelanjaan undang-undang di bawah asnaf fisabilillah.

3. Terdapat beberapa faktor mengapa peruntukan ini perlu diwujudkan, antaranya :-

a) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 55) dalam Bahagian II Perkara 5 (2) menyatakan :

“ Majlis boleh mendakwa dan didakwa dengan nama perbadanannya “

b) Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, terdapat keadaan di mana Majlis terpaksa mendapatkan keputusan Mahkamah seperti dalam kes tuntutan jenazah mualaf yang dituntut oleh keluarganya yang bukan Islam.

4. Mengenai perletakan perbelanjaan undang-undang di bawah asnaf fisabilillah, JPHSWP menerima pakai pendapat ulama yang mentafsirkan asnaf fisabilillah dengan tafsiran yang lebih luas daripada perbelanjaan untuk perang jihad semata-mata. Antara mereka ialah Imam Al-Fakhrul Razi dalam kitab tafsirnya dan Sheikh Rasyid Rida dalam tafsir Al-Manar. Menurut Sheikh Rasyid Rida, “pendapat yang benar mengenai maksud fisabilillah di sini ialah segala yang menyentuh kepentingan umat Islam dalam menegakkan urusan agama dan pemerintahan”.

5. Berasaskan keterangan-keterangan di atas, adalah ditegaskan disini bahawa penggunaan wang zakat untuk kos guaman dalam kes-kes yang berkaitan dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan adalah mengikut hukum syarak dan selaras dengan undang-undang yang berkuatkuasa di wilayah-wilayah Persekutuan. Oleh yang demikian saya berpendapat tidak terdapat penyalahgunaan dalam isu yang dibangkitkan itu.

**DATUK WAN ZAHIDI BIN WAN TEH
MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**5 Safar 1433H
9 Januari 2012M**